

 Our website will not be available on 26 January from 8.30pm to 10.30pm due to system maintenance. We apologise for any inconvenience caused.




I am looking for



Advanced Search ▾

[Home](#) > [Berita Harian](#) > [7 July 1963](#) > [Page 9](#) > [MALAM JAHANAM](#)

## MALAM JAHANAM

Berita Harian, 7 July 1963, Page 9

 Article also available on Microfilm Reel NL3203

 Add to Citation

 Previous Article

Next Article 

 Previous Page

Next Page 

# MALAM JAHANAM

## Dari pentas ka-TV

### —SULAIMAN

**M**ALAM JAHANAM, sebuah drama Indonesia yang telah beberapa kali di-pentaskan oleh perkumpulan SRIWANA tampil pula di-layar Talivishen Singapura pada 7 July, mulai jam 9.30 hingga 10.30 malam.

Drama sa-babak ini ada-lah karya Motinggo Bosje yang telah pernah memenangi hadiah pertama dalam pesta drama seluruh Indonesia tahun 1961. Drama tersebut mendedahkan persoalan sa-orang manusia yang terlalu meminati burong perkutut, hingga terlupa pada dirinya, isteri dan anak2-nya sendiri. Kerana itu, maka si isteri terpaksa mencari 'kesenangan hati' di-luar rumah sa-chara bersulit2 pula.

Kechuali pelakun Maniseh Hj. Siraj, semua pelakun2 MALAM JAHANAM yang pernah menjayakan pe-

#### Information ^



Newspaper:  
Berita Harian

Date:  
7 July 1963

Reel Number:  
NL3203

Share     

#### Table of Contents ^

< Previous | [Page 9](#) | Next >

### 'PEGAWAI KHALWAT' SERANG HARTAWAN YANG ANGKOH

'PEGAWAI KHALWAT' SERANG HARTAWAN YANG ANGKOH Mengapa tidak di-namakan DRATA Oleh

### MALAM JAHANAM

MALAM JAHANAM Dari pentas ka-TV —SULAIMAN  
MALAM JAHANAM, sebuah drama Indonesia yang telah

### TUALANG PURA

TUALANG PURA USAHA pertama kali di-medan pentas yang dilakukan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Tunas

[View Full Table of Contents >](#)

April tahun lalu akan berlakun dalam TV Singapura ini.

Pengarahnya maseh tetap sdra Bani Buang. Tempat Maniseh akan diganti oleh Fatimah Yassin PBM (Pingat Bakti Masyarakat), sedang pelakun2 lelaki-nya maseh tetap Salim Bachik, Osman Zailani, Kasmadi dan M. Noor Kader Embon.

Sdra Zain Mahmud, penerbit siaran drama ini, menyatakan bahawa ini-lah kali kedua pehak TV Singapura chuba mengeengahkan drama Melayu dalam siaran-nya.

Dengan pementasan ini, beliau mengharapkan agar bangsa bukan Melayu akan dapat menyaksikan sendiri hingga sa-takat mana pementasan drama Melayu telah menchapai kemajuan-nya.

Menurut sdra Zain, penyiaran drama AWAL DAN MIRA melalui TV bulan May yang lalu mendapat sambutan yang menggalakkan, di-samping reaksi yang 'kurang menyenangkan'.

Kata-nya: "Bagaimana pun, saya tidak hairan dengan reaksi2 yang 'kurang menyenangkan' itu, kerana itu akan menjadi pendorong yang lebih besar lagi bagi saya untuk menerbitkan drama2 Melayu selanjutnya."

Beliau mengharapkan agar siaran TV MALAM JAHANAM ini akan mendapat sambutan yang baik.


Pengarah drama MALAM JAHANAM ini pula menyatakan rasa keshukoran-nya kerana usaha pengarahan-nya beberapa waktu ini sudah pun mulai mendapat penghargaan dari pehak TV.

Kata beliau: "Saya berharap sa-moga usaha mengengahkan drama2 Melayu melalui TV akan berpanjangan sa-hingga perkembangan-nya akan dapat menandingi drama2 bukan Melayu."

Barisannya penciptaz dan pendukung2 drama di-Singapura selurohnya juga tentu-nya menyimpan harapan yang sumpama itu juga. Dan mudah2an dengan adanya kerjasama dari pihak TV maka dari sa-masa ka-samasa banyak lagi bakat2 yang terpendam dalam dunia drama kita yang sa-lama ini dapat di-lihat di atas pentas dari jauh akan dapat di-kenal sa-chara dekat melalui TV.



FATIMAH YASSIN



SALIM

---

## Related Articles



No related article found.



Report Vulnerability  Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

Contact Us Feedback FAQ

©2021 Government of Singapore

Last Updated 29 Oct 2019